

SOALAN OBJEKTIF ANEKA PILIHAN

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ikram _____ sebal di air untuk disiram pada pokok bunganya yang kekeringan akibat cuaca panas.
A. menjunjung
B. menjinjing
C. mengelek
D. memikul
2. Menurut buku panduan resepi itu, ibu akan memasukkan _____ garam ke dalam masakan kari ikan patin.
A. segenggam
B. seketul
C. secubit
D. seberkas
3. Puteri raja itu akan _____ untuk bersiram di tepi sungai sambil ditemani oleh dayang istana.
A. bertolak
B. bergerak
C. berjalan
D. berangkat

Soalan 4 – 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

4. I Mereka-mereka yang tidak hadir ke sekolah semalam sila pergi ke bilik guru.
II Semua lukisan-lukisan yang dipamerkan di galeri itu cantik-cantik.
III Novel kanak-kanak yang popular itu kamu karang.
IV Pelajar sekolah perlu sentiasa mematuhi peraturan dan disiplin sekolah.

A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
5. I Pelajar sekolah di seluruh negara digalakkan menyertai kegiatan kokurikulum
II Jadual pertandingan merentas desa itu disediakan oleh guru Pendidikan Jasmani
III Demi untuk perpaduan, rakyat diminta sentiasa mengunjungi jiran tetangga.
IV Tolong jangan membuat bising ketika berada di perpustakaan
A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

6. I Pencemaran alam sekitar berlaku akibat sikap masyarakat yang membuang sampah di merata-rata tempat.
 II Oleh sebab sakit, sudah lima hari Sultan Badrul Syah tidak santap.
 III Hasrul akan menghadiri temu duga jawatan setiausaha di pejabat daerah esok.
 IV Antara punca-punca kemalangan di lebuh raya ialah pemandu kekurangan rehat yang cukup.
- A. I dan II sahaja
 B. I dan III sahaja
 C. I, II dan III sahaja
 D. II, III dan IV sahaja

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Undang-undang jalan raya yang *ketat* dikatakan mampu mendisiplinkan pemandu.
 II Baju lama yang disarung oleh adik kelihatan *ketat*.
 III Penutup botol itu sukar untuk dibuka kerana terlampau *ketat*.
 IV Kata-kata *ketat* yang diucapkan boleh menggores perasaan seseorang.
- A. I dan VI sahaja
 B. I, II dan III sahaja
 C. II, III dan IV sahaja
 D. I, II, IV sahaja
8. I Keputusan perlawanan bola sepak liga tempatan itu berakhir dengan *seri*.
 II Jurusolek itu memerahkan pipi pengantin itu bagi menaikkan *seri* pada wajah.
 III Kanak-kanak itu sudah *seri* untuk mandi di sungai yang dalam itu.
 IV Mereka *seri* pergi berkelah di pantai pada hujung minggu.
- A. I dan II sahaja
 B. II dan III sahaja
 C. III dan IV sahaja
 D. I, II dan IV sahaja

Soalan 9 – 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A,B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Amirul amat pandai sekali mengarang novel sejak menghadiri bengkel penulisan novel remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. teramat pandai sekali
 B. teramat terpandai sekali
 C. amat terpandai sekali
 D. amat pandai sekali

10. Kebanyakan ramai remaja-remaja sekarang suka menghabiskan masa dengan media sosial.
- A. Ramai remaja-remaja kebanyakan
 - B. Kebanyakan remaja
 - C. Ramai remaja-remaja
 - D. Kebanyakan ramai remaja
11. Perdana Menteri mengingatkan rakyat agar hidup saling membantu antara satu sama lain.
- A. saling bantu-membantu
 - B. saling berbantu-bantu
 - C. saling bantu-bantu
 - D. saling membantu

Soalan 12 – 13

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.*

12. “ **Saya harap kamu semua belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan sudah hampir,**” nasihat pengetua kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga.
- A. Pengetua manasihati pelajar-pelajar tingkatan 3 supaya belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan sudah hampir.
 - B. Pengetua menasihati pelajar-pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan sudah hampir.
 - C. Pengetua dinasihati oleh para pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan sudah hampir.
 - D. Pengetua dinasihatkan oleh pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan sudah hampir.
13. **Para pekerja akan membersihkan longkang yang tersumbat bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.**
- A. Longkang yang tersumbat akan para pekerja bersihkan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.
 - B. Longkang yang tersumbat akan dibersihkan para pekerja bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.
 - C. Longkang yang tersumbat akan membersihkan para pekerja bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.
 - D. Longkang yang tersumbat akan bersih para pekerja bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.

Soalan 14 – 15

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

14.

Seperti ikan pulang ke lubuk

Peribahasa yang sinonim dengan peribahasa di atas ialah

- A. Bagai gagal pulang ke benua
- B. Bagai sirih pulang ke gagang
- C. Bagai anjing menyalak bukit
- D. Bagi belut pulang ke lumpur

15. Perangai Nurul yang suka menjahit baju ketika waktu lapang sama seperti perangai ibunya.

- A. Bagaimana acuan begitulah kuihnya
- B. Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih
- C. Genggam bara api biar sampai jadi arang
- D. Alang-alang mandi biar basah

Soalan 16 – 20

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Zaman sekarang serba mencabar bagi remaja, belia dan masyarakat umumnya. Hanya insan yang berpegang pada kesantunan diri dan moral yang tinggi mampu menyekat diri daripada terjebak ke kancah keruntuhan yang dapat membahayakan diri sendiri. Yang penting, mereka perlu ada pegangan yang kukuh untuk terus berada dalam acuan pemodenan yang semakin pesat. Dalam konteks kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, kemunculan media sosial misalnya perlu disambut dengan baik oleh masyarakat dan harus dimanfaatkan dengan sebaiknya. Hal ini demikian kerana terdapat banyak cabaran ekoran kewujudan media sosial sekali gus turut memberi kesan terhadap gaya hidup moden pada masa kini.

Cabaran utama dalam konteks semasa ialah media digital, android dan dunia tanpa sempadan. Antara media sosial yang menjadi pilihan pengguna pada masa kini termasuklah facebook, youtube, twitter, Instagram, blog, whatsapp, line dan telegram. Internet tidak boleh disekat kerana terdapat banyak manfaat yang dapat digali oleh penggunanya. Banyak usahawan internet dalam kalangan belia menggunakan media sosial untuk mempromosikan produk masing-masing. Sistem pendidikan Malaysia juga banyak mengaplikasikan media sosial sebagai pembelajaran teradun yang bermaksud campuran pembelajaran mod dalam talian dan mod bersemuka. Sistem pembelajaran tidak lagi hanya berpaksikan penyampaian bercorak tradisional. Kewujudan media sosial lebih memudahkan perhubungan antara pelajar dan penasihat akademik (PA) untuk berbincang perihal akademik. Bagi sesetengah institusi, banyak pensyarah menggunakan media sosial sebagai alat sokongan pembelajaran.

Namun begitu, penggunaan media sosial yang keterlaluan memberikan impak negatif yang sangat besar kepada penggunanya. Jumlah pengguna menggunakan media sosial untuk tujuan mendapatkan ilmu amat kurang berbanding untuk mendapatkan hiburan. Media sosial sering terdedah kepada pelbagai jenis penyalahgunaan termasuklah pencerobohan, penipuan, penggodaan dan gangguan siber. Keburukan lain media sosial ialah ketidaktepatan maklumat yang boleh menyebabkan pelbagai masalah seperti fitnah dan berita palsu. Remaja yang ketagih laman sosial cenderung untuk tidak bergaul dengan masyarakat. Mereka lebih gemar untuk berkurung di dalam bilik daripada bermain di padang bersama-

sama kawan selain tidak mengenali sanak saudara dan jiran tetangga. Penyebaran bahan bersifat separa lucah juga merupakan kesan negatif penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, penggunaan media sosial *tanpa batasan* menyebabkan pelajar leka dengan telefon pintar sehingga mengabaikan pensyarah yang sedang mengajar. Sifat media sosial yang terbuka menjadikan mereka bebas menyuarakan pendapat dan komen tanpa berfikir panjang akan kesannya. Mereka lebih gemar berkongsi tular negatif berbanding ilmu yang bermanfaat. Oleh yang demikian, media sosial perlulah digunakan dengan cara yang betul agar manfaat daripadanya dapat diperoleh.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Cabaran Besar Belia Pewaris Negara oleh
Nik Mohd Iznaz Tuan Yaakub,
Dewan Siswa, Mei 2016)

16. Masyarakat perlu menyambut baik kemunculan
 - A. Teknologi maklumat dan komunikasi
 - B. Gaya hidup moden
 - C. Media sosial
 - D. Kesantunan diri dan moral
17. Berdasarkan petikan, berikan maksud *tanpa batasan*?
 - A. tiada sempadan
 - B. tiada had
 - C. tiada batas
 - D. tiada halangan
18. Berikut ialah manfaat media sosial KECUALI
 - A. Mempromosikan produk
 - B. Digunakan dalam sistem pendidikan
 - C. Memudahkan perhubungan
 - D. Mengetahui isu semasa
19. Berdasarkan petikan, nyatakan dua perkara yang akan berlaku jika remaja gemar berkurung di dalam bilik.
 - A. tidak mengenali kawan-kawan
 - B. tidak mengenali sanak saudara dan jiran tetangga
 - C. tidak mengenali masyarakat
 - D. tidak mengenali rakan-rakan
20. Berikut ialah pernyataan yang betul tentang penggunaan media sosial oleh masyarakat KECUALI
 - A. Masyarakat memberi komen tanpa berfikir panjang melalui media sosial
 - B. Masyarakat bebas menyuarakan pendapat melalui media sosial
 - C. Masyarakat menggunakan media sosial untuk berkongsi ilmu bermanfaat
 - D. Masyarakat suka berkongsi tular negatif melalui media sosial